

# Program Rampai Penyelidik, hab berkongsi maklumat

**Bangi:** Program Rampai Penyelidik yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini baru-baru ini memberi peluang penyelidik berkongsi maklumat dan meluaskan jaringan penyelidikan mereka.

Program bertemakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk Komuniti siri ke-6 itu mengumpulkan penyelidik dari pelbagai institusi untuk meneroka peluang dan kerjasama dalam bidang penyelidikan.

Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata UKM sentiasa menggalakkan setiap penyelidik melakukan penyelidikan rentas disiplin dan fakulti termasuk institut, yang juga selari dengan inisiatif Kementerian Pendidikan.

Beliau berkata, program ini memberi peluang kepada semua warga penyelidik berkumpul, berinteraksi dan berkongsi maklumat penyelidikan mengikut tema tertentu.

"Program Rampai Penyelidik ini juga amat relevan dalam memenuhi tuntutan Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) dengan perlu memberi penekanan khusus kepada RI 4.0 agar mereka dapat bersaing di peringkat global.

## **Rentas disiplin**

"Ini juga bagi memastikan mereka dapat menghadapi cabaran baharu hasil daripada RI 4.0 termasuk kemunculan ekonomi digital," katanya kepada wartawan selepas merasmikan majlis Rampai Penyelidik ke-6 bertemakan STEM untuk Komuniti, di sini.

Program sehari anjuran Fakulti Pendidikan (FPEND), UKM itu diadakan di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh (DTAMS) UKM.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Mohd Ekhwani Toriman dan Dekan FPEND, Prof Datuk Dr Norazah Mohd Nordin.

STEM untuk Komuniti bermaksud menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan menjamin kesejahteraan masyarakat ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang kompetitif, mampan dan terangkum.

Noor Azlan berkata, perkongsian rentas disiplin ini akan membolehkan warga penyelidik untuk meningkatkan kolaborasi penyelidikan cabaran perdana.



**Prof Noor Azlan (dua kanan),** melihat buku yang di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh, UKM Bangi.

"Contohnya, fakulti tertentu menghasilkan satu produk kecantikan yang memberi impak baik terhadap fizikal seseorang, namun penyelidik mesti tahu sama ada ia bertentangan dengan agama atau tidak.

"Dengan cara ini, penyelidik boleh berkongsi per-

dapat bersama penyelidik yang pakar dalam bidang agama pula. Perkara ini amat baik kerana dapat memastikan sesuatu produk yang dihasilkan boleh mendapat tempat dalam pasaran dan memenuhi kehendak industri," katanya.

**info**

• 80 hasil penyelidikan diumumkan dalam program berkenaan